

Islam perlu tambah pakar sains teknologi

Kegemilangan cendekiawan terdahulu mesti dikembalikan: PM

Oleh Fazli Abdullah dan Faiza Zainudin

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu umat Islam mengambil iktibar daripada kegemilangan Islam pada zaman dahulu untuk memajukan ummah dan negara dengan menguasai ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, kegemilangan Islam pada zaman dahulu dalam pelbagai bidang termasuk perubatan, matematik dan falak menyebabkan masyarakat Kristian "turut menuntut ilmu daripada cendekiawan Islam.

Katanya, ilmu yang dicurahkan oleh ilmuwan Islam itu menyebabkan bangsa Eropah berjaya menguasai pelbagai ilmu dan berjaya membentuk tamadun.

"Kita tidak boleh kembali kepada zaman kegemilangan Islam dahulu. Apa yang boleh kita lakukan ialah mengambil iktibar daripadanya," katanya pada majlis berbuka puasa dan sambutan Nuzul Quran di Masjid Jamek Al-Jamui Badawi, di sini, malam tadi.

Majlis itu turut diserikan dengan

bacaan al-Quran oleh beberapa qari dan qariah yang pernah menjadi johan peringkat negeri dan kebangsaan termasuk Shafie Lebai Hanafiah.

Abdullah berkata, untuk maju, umat Islam perlu melahirkan lebih ramai 'ulul albar' atau orang yang pakar dalam pelbagai bidang sains dan teknologi serta memahami pelbagai kejadian alam ini.

Beliau berkata selain berilmu, umat Islam perlu mengukuhkan keimanan supaya mereka tidak mudah diusik dan digugat oleh golongan tertentu serta sentiasa mampu mengekalkan kegemilangan masing-masing.

Katanya, ilmu pengetahuan yang terkandung di dalam al-Quran juga disebarkan untuk tujuan kebaikan tamadun manusia di seluruh dunia termasuk ke negara Eropah.

Beliau berkata kebolehan sarjana Islam pada masa silam menguasai ilmu pengetahuan daripada al-Quran menjadikan tamadun Islam pada masa itu gemilang dan terbilang.

Sebelum itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di Bangunan Umno Bahagian Kepala Ba-

tas, diikuti majlis tahlil dan berbuka puasa, solat Maghrib dan Isyak serta Tarawih di masjid berkenaan.

Hadir sama Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah.

Selepas itu, Perdana Menteri menghadiri Program Rahmat Ramadan dan Bersahur Perdana di Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas.

Pada majlis itu, Abdullah bersahur

"Kita tidak boleh kembali kepada zaman kegemilangan Islam dahulu. Apa yang boleh kita lakukan ialah mengambil iktibar"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

bersama kira-kira 106 penghuni rumah berkenaan serta menyerahkan sumbangan hari raya kepada mereka.

Perdana Menteri juga menyerahkan replika cek hasil kutipan Malam Titian Kasih kepada Pengerusi Lembaga Pelawat Rumah Kanak-Kanak itu, Azman Ahmad yang berjumlah 786,000.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Ketua Pergerakan itu, Datuk Noraini Ahmad, ketika dihubungi selepas mengetuai Exco Puteri mengadakan kunjungan terhadap Abdullah di Pejabat Perdana Menteri di sini, semalam, berkata Abdullah mahu Puteri Umno memainkan peranan lebih aktif pada pilihan raya umum akan datang dengan fokus kepada sektor yang menjadi kepakaran mereka.

Perdana Menteri mahu Puteri yang jumlah ahlinya sekarang meningkat kepada 269,284, menumpukan kepada bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), selain terus menggerakkan jentera pada peringkat bawah.

"Menjelang pilihan raya umum akan datang, Pak Lah mahu Puteri bekerja lebih kuat lagi," katanya.